

THIS KEEPSAKE PROVIDED BY THE CHILD

IS A RECORD OF

ANNUAL FESTIVAL DAY WORKS

1968

THESE CARDS WERE MADE FOR CHILDREN

BY THE FESTIVAL COMMITTEE

MEMPHIS, TENNESSEE

1968

LP 2 FASM 3 2007



1100089997

Tahap kemahiran penyediaan makanan di kalangan juru masak kantin sekolah menengah di Kuala Terengganu / Afifuddin Adzlan Nordin.



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100089997	

Lihat Sebelah

**TAHAP KEMAHIRAN PENYEDIAAN MAKANAN DI  
KALANGAN JURU MASAK KANTIN SEKOLAH  
MENENGAH DI KUALA TERENGGANU**

**AFIFUDDIN ADZLAN BIN NORDIN**

**UK 9776**

**PROJEK PENYELIDIKAN yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan  
(Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)**

**FAKULTI AGROTEKNOLOGI DAN SAINS MAKANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
MENGABANG TELIPOT**

**2007**

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Jun 2007

-----  
AFIFUDDIN ADZLAN BIN NORDIN

UK 9776

11 Jun 2007

Disahkan oleh,

-----  
EN AZIZ BIN YUSOF  
(Penyelia)

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna. Kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam menjayakan kajian ini.

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Aziz bin Yusof yang amat berdedikasi untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan dan motivasi kepada saya tanpa mengenal erti jemu. Saya juga berasa bersyukur kerana telah diterima oleh beliau menjadi sebahagian daripada anak seliaan beliau. Beliau juga telah banyak meluangkan masa untuk saya dan rakan-rakan seperjuangan dalam projek penyelidikan ini.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan saya yang membantu ketika menjalankan kaji selidik dan memberi tunjuk ajar kepada saya.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih saya kepada kedua ibu bapa saya En. Nordin Bin Haji Harun dan Pn. Faridah Bte Haji Hanan atas dorongan dan bantuan kewangan yang tidak terkira banyaknya. Berkat doa dan galakkan daripada mereka juga akhirnya saya berjaya menempuh segala rintangan dan cabaran dengan tenang.

Segala bentuk bantuan yang diberikan akan saya hargai dan ingati buat selama-lamanya. Akhir kata, terima kasih di atas segalanya dan hanya Tuhan yang dapat membalas jasa baik anda semua.

SEKIAN TERIMA KASIH.

## TAHAP KEMAHIRAN PENYEDIAAN MAKANAN DI KALANGAN JURU MASAK KANTIN SEKOLAH MENENGAH DI KUALA TERENGGANU

### ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan untuk mengetahui tahap kemahiran penyediaan makanan di kalangan juru masak kantin sekolah menengah di Kuala Terengganu. Kemahiran merupakan salah satu jawapan yang terbaik bagi kebanyakan permasalahan berkaitan operasi kantin sekolah. Perjalanan operasi kantin sekolah dewasa dibayangi dengan pelbagai cabaran seperti kurangnya peluang latihan kepada staf, tahap pendidikan yang rendah dikalangan pekerja, kurangnya tahap kesedaran keselamatan makanan semasa proses penyediaan, peningkatan kos operasi, peratusan keuntungan yang semakin mengecil, tahap *turnover rate* kakitangan yang tinggi, gaji yang kurang kompetitif dan sebagainya. Walaubagaimanapun, harapan yang diletakkan ke atas bahu pengusaha kantin oleh ibu bapa, pejabat pendidikan daerah, pihak sekolah, jabatan pendidikan negeri dan yang lebih penting lagi pelajar amatlah besar. Rekabentuk kajian adalah berbentuk diskriptif. Instrumentasi kajian pula berbentuk borang soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan data primer. Borang soal selidik tersebut mengandungi 3 bahagian: demografik responden, tahap kemahiran dikalangan responden dan pengenalpastian faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap kemahiran responden. Kajian yang telah dijalankan di Kuala Terengganu ini, melibatkan 80 orang responden yang berkerja di 15 buah kantin sekolah menengah. Kaedah persampelan menggunakan ialah teknik persampelan rawak mudah (*simple random*) bagi memilih sekolah yang terlibat dan teknik *purposive sampling* bagi memilih responden dilokasi kajian. Analisis data dibuat menggunakan program *Statistical Package for Social Sciance* (SPSS) Versi 15. Jenis analisis statistik yang digunakan ialah analisis diskriptif dan T-test (*Paired Sample Test*). Keputusan kajian menunjukkan kebanyakan juru masak adalah berumur di antara 30-39 tahun (30%). Ujian-t yang dijalankan, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap umur responden lelaki dan perempuan ( $t=1.015$ ,  $p=0.32$ ,  $p>0.05$ ). Data juga menunjukkan sebanyak 67.5% daripada responden adalah perempuan. Kebanyakan daripada mereka juga telah berkahwin (75%). Bagi gaji bulanan, data menunjukkan bahawa kebanyakan juru masak mempunyai gaji bulanan diantara RM 251-RM 500 (48.8%). Sementara itu, daripada ujian-t yang dijalankan, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap gaji responden lelaki dan perempuan ( $t=1.015$ ,  $p=0.317$ ,  $p>0.05$ ). Kebanyakan juru masak juga mempunyai pengalaman bekerja selama 9 bulan (27.5%). Hasil dapatan kajian juga mendapati 74% daripada responden berpendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan yang lebih rendah daripadanya. Dapatan kajian turut menunjukkan juru masak yang mempunyai tahap kemahiran peringkat kedua mencatatkan nilai yang paling tinggi iaitu 42.5%, kemahiran peringkat ketiga iaitu 30% dan tahap kemahiran peringkat pertama iaitu 27.5%. Disamping itu juga, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kemahiran penyediaan makanan responden lelaki dan perempuan ( $t=1.00$ ,  $p=0.515$ ,  $p>0.05$ ). Hasil kajian mendapati faktor insentif/ganjaran merupakan faktor tertinggi (nilai min 4.15). Faktor kedua yang penting bagi responden adalah kemudahan penyediaan makanan (nilai min 3.73). Ketiga terpenting adalah faktor gaji (nilai min 3.63) dan faktor keempat penting pula adalah faktor fisiologikal (nilai min 3.61). Faktor yang seterusnya

adalah faktor pengalaman dan faktor sikap yang masing-masing berada dikedudukan kelima dan keenam terpenting mengikut turutan keutamaan dengan nilai min setiap satunya pada 3.33. Faktor ketujuh penting pula adalah faktor pembelajaran sepanjang hayat (nilai min 3.14). Faktor kelapan penting adalah faktor motivasi (nilai min 2.86). Sebagai kesimpulannya, tahap kemahiran penyediaan makanan di kalangan responden adalah sederhana. Ini berkait dengan hakikat bahawa kebanyakan daripada mereka mempunyai pengalaman kurang daripada 1 tahun bekerja. Selain itu juga, faktor gaji bukanlah faktor utama yang mempengaruhi tahap kemahiran responden kerana faktor intensif dan kemudahan dikantin sekolah lebih mendapat keutamaan di kalangan responden.

## FOOD PREPARATION SKILL LEVELS AMONG SECONDARY SCHOOL CANTEEN WORKERS IN KUALA TERENGGANU

### ABSTRACT

This research was carried out to determine the food preparation skill levels among high school canteen workers in Kuala Terengganu. Skill has been recognized as one of the best answers for many problems plaguing the school canteens operations, operational process of school canteen, nowadays is characterized by many challenges such as lack of training opportunities for staffs, low educational level among staffs, lack of food safety awareness during food preparation process, increase in operational cost, dwindling profit, high staff turnover rate, uncompetitive pay etc.. Nevertheless, huge hopes are placed on the shoulders of canteen operators by parents, local educational district office, school management, state educational department, and above all, by the students. The research design applied was in descriptive form. The instrument was in questionnaire form used to obtain the primary data. It consisted of three main parts namely the demographic of respondents, the skill levels among respondents, and contributing factors that influence the skill levels among the respondents. The survey which was carried out at Kuala Terengganu, involved 80 respondents from 15 high school canteens. Simple random technique was used when choosing the high school canteens and purposive technique was later applied when choosing respondents at the selected canteens. Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 15 was used to analyze the data and statistical analysis applied was descriptive statistic and t-Test (Paired Sample Test) statistic. The result showed that most of the canteen workers age was between 30-39 years old (30%). There is no significant differences between salary along with male and women respondent ( $t=1.00$ ,  $p=0.32$ ,  $p>0.05$ ). Data also showed that 67.5% canteen workers were female. Most of them were married (75%). For monthly income, the data showed that most of the canteen workers earned between RM 251-RM 500 (48.8%). There is no significant differences between aged along with male and women respondent ( $t=1.00$ ,  $p=0.317$ ,  $p>0.05$ ). Approximately, 82% of them have working experience for one year or less. Data also showed that significant percentage of the canteen workers have education level at *Sijil Pelajaran Malaysia* (SPM) (28.8%). The data also showed that canteens most, workers skill levels of food at level 2 (42.5%). About 30% of the respondents fell into level 3 category (30%) and followed by level 1 (27.5%). There is no significant differences between skill levels along with male and women respondent ( $t=1.00$ ,  $p=0.515$ ,  $p>0.05$ ). The result showed that the incentive/reward recorded the highest mean (4.15). Second was food preparation facility (3.73). The third factor was salary which stood at (3.63). Physiological factor was the fourth factor with the (mean value at 3.61). The fifth and sixth factor was experience and attitude respectively with 3.33. The second most bottom factor was education with the mean value at (3.14) and the last one was motivation with the (mean value at 2.86). In a nut shell, food preparation skills among the respondents stood at moderate level and mostly made up by those with less experience workers. This was due to the fact that most of them only possessed one year or less work experience. Besides that, wage was not the most important factor, influencing respondent's skill level.